



Inspiring trust for a more resilient world.

Tarikh: 26/04/2022

**Pemberitahuan Awam: RSPO Pernilaian Semula Persijilan untuk Kilang Kelapa Sawit Jendarata, United Plantations Berhad (Nombor Keanggotaan RSPO: 1-0004-04-000-00)**

Kepada Pihak Kepentingan,

Ini adalah untuk memberitahu bahawa Kilang Kelapa Sawit Jendarata di bawah Syarikat Induk United Plantations Berhad dengan nombor keanggotaan RSPO (1-0004-04-000-00) telah melantik BSI Services Malaysia Sdn Bhd ("BSI Malaysia") untuk melaksanakan pernilaian Persijilan Semula yang akan dilaksanakan di lokasi Teluk Intan, Perak, Malaysia. Pelaksanaan persijilan akan bermula pada 13/06 hingga 17/06/2022 menggunakan persyaratan standard Malaysia National Interpretation 2019 of the RSPO P&C 2018

Nombor RSPO PO ID untuk Kilang Kelapa Sawit Jendarata adalah: RSPO\_PO1000000238

Ditubuhkan berdasarkan kepakaran dan sumber Denmark dan Malaysia, United Plantations Berhad (UP) pada awalnya sederhana pada tahun 1906, telah berkembang dari segi saiz dan kedudukan.

Hari ini UP adalah salah satu kumpulan perladangan bersaiz sederhana yang lebih besar di Malaysia dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dengan permodalan pasaran kira-kira RM5.78 bilion pada akhir tahun kewangannya 31 Disember 2021.

Aktiviti perniagaan teras UP terletak dalam penanaman kelapa sawit dan kelapa. Jumlah simpanan tanah yang ditanam meliputi 62,980 hektar di seluruh Malaysia (71%) dan Indonesia (29%) dan disokong oleh 5,735 pekerja di seluruh Kumpulan.

UP mempunyai pengetahuan yang luas dalam pembiakan tumbuhan, agronomi dan kultur tisu melalui kemudahan R&D yang ditubuhkan pada awal 1950-an, memastikan pembangunan bahan penanaman baharu dan dipertingkatkan serta amalan pembiakan tanaman yang lebih baik.

Kumpulan juga terlibat dalam beberapa aktiviti hiliran seperti penapisan minyak makan serta pengeluaran dan pembungkusan lemak khusus berdasarkan minyak sawit mampan yang diperakui dan penekanan terhadap kualiti dan standard keselamatan makanan.

Melalui tumpuannya pada tanggungjawab sosial korporat dan mewujudkan nilai bersama yang digabungkan dengan kepakaran pengurusan dan teknikal yang mantap, UP hari ini diiktiraf sebagai peneraju global dari segi kemampanan, hasil tinggi, daya saing kos dan amalan inovatif yang beroperasi di seluruh perladangannya.

1. Maklumat yang berkaitan dengan data pengeluaran yang akan dinilai adalah sebagai berikut:

Kilang Kelapa Sawit Jendarata dan Sumber Pembekal	
Kilang Kelapa Sawit	Kilang Kelapa Sawit Jendarata
Kapasiti KKS (ton/jam)	50 MT/jam
Alamat / Lokasi	Jalan Kuala Selangor-Teluk Intan, Jendarata Estate, 36009 Teluk Intan, Perak, Malaysia
Rujukan GPS (dalam derajat, menit & detik)	<b>Latitude/Garis lintang</b> 003° 51' 14.13" N <b>Longitude/Garis bujur</b> 100° 58' 06.01" E
Anggaran Pegeluaran Tahunan (MT)	CPO
	PK
	FFB/TBS

BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
Co. Reg 200801003189  
Suite 29.01 Level 29,  
The Gardens North Tower,  
Mid Valley City,  
Lingkaran Syed Putra,  
59200 Kuala Lumpur

T: +6 03 9212 9638  
F: +6 03 9212 9639  
info.malaysia@bsigroup.com  
bsigroup.com/en-MY



SUSTAINABLE  
DEVELOPMENT  
GOALS

2. Maklumat perincian mengenai Sumber Pembekal sebagai berikut:

No.	Ladang / Pekebun Kecil	Lokasi	Rujukan GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Anggaran Keluaran FFB Tahunan (MT)	Status Liability (L/NL)	Tarikh sertai (untuk Petani bebas)
			Latitude / Garis lintang	Longitude / Garis bujur	Jum. kaw. yg akan diperakui	Kawasan ditanam			
1.	Ladang Jendarata	Jalan Klang – Teluk Intan, 36009 Teluk Intan, Perak, Malaysia	003°54' 00.14" N	100° 58' 39.16" E	6,335.64	5,286.00	130,000.00	NL	N/A
2.	Ladang Seri Pelangi	Batu 11 ¾, Jalan Bidor, 36008 Teluk Intan, Perak, Malaysia	003° 59' 37.00" N	101°09' 34.99" E	1,422.00	1,329.00	28,000.00	NL	N/A
3.	Ladang Tanarata	Batu 7, Jalan Changkat Jong, 36008 Teluk Intan, Perak, Malaysia	003° 58' 11.58" N	101° 05' 48.71" E	3,641.82	3,375.32	12,500.00	NL	N/A
			<b>TOTAL</b>		<b>11,399.46</b>	<b>9,990.32</b>	<b>170,500.00</b>		

Note: L – memiliki Liability; NL – tidak memiliki Liability

Pembekal Ladang untuk persijilan ini tidak termasuk pengembangan penananman baru Oleh yang sedemikian, tidak ada proses New Planting Procedure.

BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. diakreditasi untuk menyediakan perkhidmatan persijilan RSPO P&C dan RSPO SCCS pihak ketiga yang bebas. BSI Malaysia adalah anak syarikat Kumpulan BSI, sebuah Syarikat Piagam Diraja Negara Inggeris. BSI adalah jenama terpercaya di dunia dalam menyediakan penyelesaian peningkatan perniagaan dengan lebih daripada 86,000 pelanggan di lebih dari 193 negara. Misi BSI adalah untuk berkongsi pengetahuan, inovasi dan amalan terbaik untuk membantu orang dan organisasi menjadikan kecemerlangan sebagai kebiasaan. BSI adalah Badan Piawaian Nasional UK. BSI Services Malaysia Sdn. Bhd. Mempunyai pejabat gabungan RSPO di Indonesia, Australia, China dan India.

Pasukan Penilaian akan terdiri:

Nama	Peranan / Aspek Pengliputan	Kelayakan dan Pengalaman
Mohamed Hidhir bin Zainal Abidin	Ketua Pasukan Audit  Aspek social dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak, polisi, rantai bekalan untuk kilang sawit	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Universiti Kebangsaan Malaysia.</li> <li>- Mempunyai pengalaman bekerja selama 7 tahun dalam bidang berkaitan dengan industri kelapa sawit, 5 tahun khusus dalam pengilangan kelapa sawit.</li> <li>- Memiliki pengalaman sebagai juruaudit untuk beberapa standard termasuk ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, MSPO dan RSPO di badan pensijilan sebelumnya.</li> <li>- Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&amp;C, RSPO SCCS, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA.</li> </ul>
Muhammad bin Fadzli Masran	Ahli Pasukan  Amalan pengurusan baik untuk kilang sawit dan ladang, aspek lingkungan hidup, HCV & perlepasan gas rumah	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Perhutanan, Universiti Putra Malaysia</li> <li>- Mempunyai pengalaman pelaksanaan kelestarian selama lebih 10 tahun, termasuk kebajikan pekerja, keselamatan dan kesihatan pekerja, pemuliharaan dan perlindungan</li> </ul>

	hijau, penambahbaikan yang berterusan, rantaian bekalan untuk kilang sawit	alam sekitar di kawasan penampang dan pelan pengurusan penambahbaikan berterusan. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit IMS ISO 9001, ISO 14001 & ISO 45001, RSPO P&C, RSPO SCCS, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA.
Hafriazhar bin Mohd Mokhtar	Ahli Pasukan  Aspek social dan kebajikan pekerja, temuduga pihak kepentingan, hak asasi manusia, penilaian impak, polisi, rantaian bekalan untuk kilang sawit	- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Universiti Teknologi Malaysia. - Mempunyai pengalaman bekerja selama lebih 5 tahun dalam bidang berkaitan dengan industri ladang kelapa sawit. - Memiliki pengalaman sebagai juruaudit untuk beberapa standard termasuk CDM, ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001 dan ISO 50001. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&C, RSPO SCCS, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA.
Yusof Khairan Nizar bin Ahmad Tarmizi	Ahli Pasukan  Keselamatan dan kesihatan pekerja, prosedur operasi, komitmen organisasi, pematuhan undang-undang, pelan ekonomi jangka panjang, time bound plan, rantaian bekalan untuk kilang sawit	- Memiliki Diploma in Public Administration - MARA Institute of Technology, Malaysia (1991), Certificate of Safety and Health Officer - Malaysian Insurance Institute (2003), Bachelor of Corporate Administration (Hons) - MARA University of Technology, Malaysia (2003), dan Master of Science in Occupational Safety and Health Management - Northern University of Malaysia (2011). - Pengalaman dalam mengurus, berunding, melatih, dan mengaudit ISO 9001:2015, ISO 14001:2015, ISO 45001:2018, OHSAS 18001:2007 dan MS 1722:2011. - Mempunyai pengalaman lebih 2 tahun dalam pengauditan RSPO dan MSPO. - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit ISO 9001, ISO 14001, ISO 45001, RSPO P&C, Latihan HCV-HCS dan Latihan Keperluan SMETA.

Sebagai persediaan untuk proses penilaian, pihak berkepentingan yang berkaitan dijemput untuk memberikan input bertulis mengenai penilaian ini dengan memberi komen mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan unit pensijilan. Topik yang mungkin ingin anda komen adalah seperti berikut tetapi tidak terhad kepada:

- Perlindungan dan Penjagaan lingkungan hidup
- Hak Asasi Manusia & kebajikan pekerja
- Peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Free, prior and informed consent
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen yang diterima dalam masa 30 hari dari tarikh surat ini akan dipertimbangkan dalam Penilaian. Sila sertakan butir-butir berikut sekiranya kami mungkin perlu menghubungi anda untuk mendapatkan penjelasan atau tindakan lanjut mengenai masalah yang dibangkitkan oleh anda.

Nama: .....

Emel: .....

Jabatan: .....

Nombor telefon: .....



Inspiring trust for a more resilient world.

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengurus Skim:**

En. Nicholas Cheong  
BSI Services Malaysia Sdn. Bhd.  
Suite 29.01 Level 29 The Gardens North  
Tower, Mid Valley City Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan, Malaysia  
Faks : +603 9212 9639  
Emel : [Nicholas.Cheong@bsigroup.com](mailto:Nicholas.Cheong@bsigroup.com)

**DAN / ATAU**

**Auditee:**

En. Lee Kian Wei  
United Plantations Berhad  
Jendarata Estate  
36009 Teluk Intan  
Perak, Malaysia  
Faks : +605 6411 876  
Emel : [lkw@unitedplantations.com](mailto:lkw@unitedplantations.com)

Terima kasih dan maklumbalas yang diberikan amat dihargai.

Yang benar,

.....  
Nicholas Cheong  
Pengurus Skim RSPO